

KAJI SELIDIK PENDAPAT AWAM

disediakan oleh **KAJIDATA**RESEARCH



KAJIDATA RESEARCH

Kajian Tentang Persepsi Rakyat Terhadap
Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M)

Malaysia

20 Februari - 27 Februari 2017





Pengenalan	2
Isi Kandungan	3
1.0 Objektif Kajian	4
2.0 Metodologi Kajian	5
3.0 Profil Demografi	6-7
4.0 Hasil Kajian	
4.1 Penerima Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M)	8
4.2 Sokongan Rakyat Terhadap Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M)	9
4.3 Keberkesanan BR1M Dalam Membantu Meringankan Beban Rakyat	10
4.4 Pandangan Sama Ada Matlamat BR1M Tercapai Atau Sebaliknya	11
4.5 Kewajaran BR1M Untuk Diteruskan Pada Masa Akan Datang	12
4.6 Pandangan Terhadap Dakwaan BR1M Adalah Satu Bentuk Rasuah	13
4.7 Bentuk Pemberian BR1M Yang Wajar Dilakukan Oleh Kerajaan	14
4.8 Pandangan Rakyat Terhadap Pemberian BR1M Pada Masa Akan Datang	15
4.9 Kemanakah BR1M Dibelanjakan?	16
4.10 Berapa Lama Duit BR1M Bertahan Atau Disimpan?	17
5.0 Kesimpulan	18-19



1. Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) telah diperkenalkan sejak pada tahun 2012 dan bantuan ini mula dilaksanakan dengan memberi bantuan secara *one-off* kepada golongan sasaran iaitu sebanyak RM500 kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah.
2. Jumlah penerima BR1M telah dicatatkan meningkat pada setiap tahun dimana jumlah penerima telah direkodkan sebanyak 4,179,062 pada tahun 2012, kepada 6,802,423 pada tahun 2013, seterusnya meningkat kepada 6,959,549 pada tahun 2014, kemudian meningkat kepada 7,437,522 pada tahun 2015. Catatan jumlah penerima BR1M dilihat menurun 2.1% pada tahun 2016 dimana jumlah penerima telah dicatatkan sebanyak 7,280,494 orang.
3. Tren pemberian BR1M juga telah dilihat meningkat setiap tahun bermula dari tahun 2012 sehingga tahun 2016 seperti pada rajah di bawah:-

Golongan sasaran	Jumlah BR1M				
	2012	2013	2014	2015	2016
Bujang berpendapatan kurang RM2,000		RM250	RM300	RM350	RM400
Keluarga berpendapatan bawah RM3,000	RM500	RM500	RM650	RM950	RM1,000
Keluarga berpendapatan RM3,000 – RM4,000			RM450	RM750	RM800
Keluarga berpendapatan bawah RM1,000 (e-Kasih)					RM1,050


4. Kajian *Persepsi Rakyat Terhadap Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M)* telah dijalankan bagi melihat sokongan rakyat terhadap usaha kerajaan dalam memberikan bantuan melalui program BR1M ini serta melihat keberkesanannya dalam membantu meringankan beban rakyat pada masa ini.

1.0 OBJEKTIF KAJIAN


Kajian Tentang Persepsi Rakyat Terhadap
Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M)
N = 1,031, 20 Februari – 27 Februari 2017



- 1** Meneliti keberkesanan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dalam meringankan beban rakyat ketika menghadapi kos sara hidup pada masa ini.
- 2** Mengukur tahap sokongan rakyat terhadap Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) pada masa ini.
- 3** Menilai persepsi rakyat terhadap usaha kerajaan bagi membantu rakyatnya dalam menghadapi kos sara hidup yang kian meningkat.
- 4** Melihat persepsi rakyat sama ada matlamat sebenar dalam memberikan BR1M ini tercapai atau sebaliknya kepada golongan sasaran.



2.0 METODOLOGI KAJIAN



Rangka Sampel
Semua kawasan pilihan raya (222 kawasan parlimen di semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak) dan Pemilihan responden adalah berkadar kepada penduduk di setiap kawasan Parlimen



Tempoh Kajian (n)
Bermula dari 20 Februari sehingga 27 Februari 2017



Skala Likert
Soalan kajian digubal dengan menggunakan skala likert 1-5




Sangat negatif Negatif Neutral Positif Sangat positif


3.0 PROFIL DEMOGRAFI




JANTINA





UMUR



STATUS PERKAHWINAN



AGAMA




BANGSA

■ % Responden Kajian
 ■ % Responden Sasaran


3.0 PROFIL DEMOGRAFI




PENDIDIKAN




PENDAPATAN



PEKERJAAN




NEGERI



4.0 HASIL KAJIAN



4.1 PENERIMA BANTUAN RAKYAT 1 MALAYSIA (BR1M)




Soalan: Adakah anda sedang menerima BR1M sebelum ini? Berapa kalikah anda sudah menerima pemberian BR1M sejak diperkenalkan pada tahun 2012?



4.2 SOKONGAN RAKYAT TERHADAP BANTUAN RAKYAT 1 MALAYSIA (BR1M)

- Sangat menyokong
- Menyokong
- Neutral
- Tidak menyokong
- Sangat tidak menyokong

68.7%
Menyokong usaha kerajaan
dalam memberikan subsidi
kepada rakyat melalui
program BR1M



22.5%
Tidak menyokong
BR1M


Soalan: Sejauh manakah anda menyokong usaha kerajaan dalam memberikan subsidi kepada rakyat melalui program BR1M?



4.3 KEBERKESANAN BR1M DALAM MEMBANTU MERINGANKAN BEBAN RAKYAT

- Sangat membantu
- Agak membantu
- Tidak pasti
- Agak tidak membantu
- Sangat tidak membantu

65.1%
Menyatakan BR1M dapat membantu meringankan beban rakyat dalam menghadapi kos sara hidup pada masa ini



25.6%
Menyatakan BR1M tidak membantu dalam meringankan beban rakyat


Soalan: Adakah bantuan BR1M dapat membantu meringankan beban rakyat dalam menghadapi kos sara hidup pada masa ini?



4.4 PANDANGAN SAMA ADA MATLAMAT BR1M TERCAPAI ATAU SEBALIKNYA

- Amat tercapai
- Tercapai
- Neutral
- Tidak tercapai
- Amat tidak tercapai

51.2%
Menyatakan matlamat
sebenar program BR1M
telah tercapai kepada
golongan sasaran



33.8%
Menyatakan matlamat
sebenar BR1M tidak
tercapai


Soalan: Secara umumnya, adakah anda merasakan matlamat sebenar program BR1M ini telah tercapai kepada golongan sasaran?



4.5 KEWAJARAN BR1M UNTUK DITERUSKAN PADA MASA AKAN DATANG

- Sangat wajar
- Agak wajar
- Tidak pasti
- Agak tidak wajar
- Sangat tidak wajar

71.1%
Rakyat menyuarakan
bahawa BR1M wajar
diteruskan pada masa akan
datang



22%
Menyatakan BR1M
tidak wajar diteruskan


Soalan: Pada pandangan anda, adakah wajar BR1M ini perlu diteruskan pada masa akan datang?



4.6 PANDANGAN TERHADAP DAKWAAN BR1M ADALAH SATU BENTUK RASUAH

- Sangat bersetuju
- Agak setuju
- Neutral
- Agak tidak bersetuju
- Sangat tidak bersetuju

16.5%
Berpendapat BR1M adalah
satu bentuk rasuah




63.9%
Tidak bersetuju terhadap
dakwaan yang mengatakan
pemberian duit melalui program
BR1M ini adalah satu bentuk
rasuah

Soalan: Sejaumanakah anda bersetuju terhadap dakwaan yang mengatakan pemberian duit melalui program BR1M ini adalah satu bentuk rasuah?




4.7 BENTUK PEMBERIAN BR1M YANG WAJAR DILAKUKAN OLEH KERAJAAN



Soalan: Selain pemberian subsidi melalui wang tunai, dalam bentuk apakah yang wajar dilakukan oleh kerajaan untuk memberikan BR1M kepada rakyatnya?



4.8 PANDANGAN RAKYAT TERHADAP PEMBERIAN BR1M PADA MASA AKAN DATANG



Soalan: Pada pandangan anda juga, adakah jumlah pemberian BR1M perlu ditambah, dikurangkan, dikekalkan atau diberhentikan pada masa akan datang?

4.0 HASIL KAJIAN



4.9 KEMANAKAH BR1M DIBELANJAKAN?


80%

rakyat yang menerima BR1M telah membelanjakan duit mereka kepada:-

31.8%, Membeli keperluan asas

31.4%, Menampung perbelanjaan harian

13.2%, Membeli barangan peribadi atau keluarga




Nota: Analisis ini dijalankan kepada responden yang menerima BR1M sahaja.

Soalan: Secara amnya, bagaimanakah duit BR1M anda dibelanjakan?



4.10 BERAPA LAMA DUIT BR1M BERTAHAN ATAU DISIMPAN?



Nota: Analisis ini dijalankan kepada responden yang menerima BR1M sahaja.

Soalan: Berapa lamakah duit BR1M anda bertahan atau disimpan?

5.0 KESIMPULAN



1. Daripada hasil kajian yang telah **melibatkan 1,031 orang responden** telah menunjukkan bahawa sebanyak **50.8% daripada responden kajian adalah penerima Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M)** manakala **selebihnya (49.2%) adalah bukan penerima BR1M**. Daripada jumlah responden yang menerima BR1M, 65.3% daripadanya adalah penerima yang sudah menerima 3 kali dan ke atas.
2. Secara keseluruhannya, kajian telah mendapati bahawa sebanyak **68.7% telah menyokong terhadap usaha kerajaan dalam memberikan subsidi kepada rakyat melalui program BR1M** manakala 22.5% pula telah menyatakan sebaliknya.
 - a. Hasil perincian juga menunjukkan **pendapatan bawah daripada RM6,000 lebih dilihat menyokong usaha kerajaan dalam memberi bantuan melalui program BR1M** ini manakala pendapatan isi rumah yang lebih daripada RM6,000 pula lebih untuk tidak menyokong terhadap program BR1M.
3. Melalui hasil kajian juga telah mendapati bahawa sebanyak **65.1% telah menyatakan bantuan melalui program BR1M ini dapat membantu meringankan beban rakyat** dalam menghadapi kos sara hidup pada masa ini manakala 25.6% pula lebih untuk menyatakan sebaliknya.
 - a. Perincian juga telah mendapati **pendapatan isi rumah di bawah RM7,500 lebih bersetuju untuk menyatakan BR1M dapat membantu meringankan beban rakyat** pada masa ini .
4. Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak **51.2% telah merasakan matlamat sebenar program BR1M telah tercapai kepada golongan sasarannya** manakala 33.8% pula merasakan sebaliknya.
 - a. Melalui hasil perincian juga mendapati **pendapatan isi rumah bawah daripada RM3,000 lebih dilihat untuk merasakan matlamat sebenar BR1M telah tercapai kepada golongan sasarannya** manakala pendapatan isi rumah atas daripada RM3,000 pula lebih dilihat untuk merasakan sebaliknya.



5. Melalui hasil analisis telah mendapati bahawa sebanyak **71.1% responden telah menyuarakan bahawa BR1M wajar diteruskan pada masa akan datang** manakala 22% pula tidak bersetuju untuk BR1M diteruskan pada masa akan datang.
6. Sebanyak **63.9% daripada responden telah menyuarakan bahawa pemberian duit melalui program BR1M ini adalah bukan satu bentuk rasuah** seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak. Hanya 16.5% responden sahaja yang dilihat untuk menyatakan BR1M itu adalah satu bentuk rasuah.
7. Hasil dapatan kajian telah mendapati bahawa sebanyak **61.9% daripada responden menyarankan agar pemberian BR1M melalui wang tunai wajar dikekalkan** berbanding pemberian melalui dalam bentuk kad subsidi/diskaun (19.6%), kepeluan asas (13.8%) atau kupon/baucar (4.8%).
8. Sebanyak **56.8% daripada responden yang terlibat dalam kajian ini telah menyuarakan agar jumlah pemberian BR1M perlu ditambah** pada masa akan datang manakala 18.8% responden pula menyarankan agar BR1M ini diberhentikan. Hasil analisis juga mendapati 11.8% pula telah menyatakan agar jumlah BR1M perlu dikekalkan dengan jumlah yang sedia ada dan hanya 1.6% sahaja yang berharap agar jumlah pemberian BR1M ini perlu dikurangkan pada masa akan datang.
9. Daripada 50.8% yang menerima BR1M telah menyatakan bahawa kebanyakan (**80%**) daripada mereka lebih membelanjakan duit BR1M kepada '**Membeli keperluan asas**' (31.8%), '**Menampung perbelanjaan harian**' (31.4%) dan '**Membeli barangan peribadi atau keluarga**' (13.2%).
10. Analisis juga mendapati sebanyak 85.3% responden yang menerima BR1M telah menyuarakan bahawa **duit BR1M hanya mampu untuk bertahan pada masa sebulan sahaja** selepas duit tersebut masuk ke dalam akaun mereka untuk menampung perbelanjaan harian mereka.



HUBUNGI KAMI

KAJIDATA RESEARCH SDN. BHD.
42-A, JALAN PJU 5/20D
THE STRAND, KOTA DAMANSARA
47810 PETALING JAYA
SELANGOR, MALAYSIA

T. +6037610 2048
F. +6037610 2089

WWW.KAJIDATA.COM